

<sup>378</sup>  
NO. SOALAN: ~~379~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**

**RUJUKAN : 9450**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pegawai penguatkuasa undang-undang di sempadan Malaysia yang terlibat dengan penyeludupan dadah, senjata dan manusia.**

## **JAWAPAN:**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memberikan perhatian serius terhadap pegawai dan anggota penguatkuasa di sempadan negara yang terlibat dalam rasuah dan penyalahgunaan kuasa sehingga sempadan mudah dibolosi oleh pendatang asing tanpa izin (PATI) termasuk penyeludupan senjata api dan dadah. Tindakan pendakwaan di Mahkamah dan tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap pegawai dan anggota penguatkuasa yang didapati bersalah menyalahgunakan kuasa atau menerima rasuah semasa menjalankan tugas.

Dalam rekod polis, hanya 4 orang anggota polis telah ditangkap bagi membantu siasatan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) kerana disyaki bersekongkol dengan sindiket penyeludupan migran pada Mei 2015 berkaitan kes penemuan kubur besar di Wang Kelian, Perlis. Kesemua mereka telah dibebaskan kerana tiada bukti jelas yang boleh disabitkan bahawa mereka terlibat dengan aktiviti penyeludupan manusia.